

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[ BESUT ]

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

**SOALAN NO. 128**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan status terkini pelaksanaan *Malaysia English Assessment* (MEA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan *Malaysia English Assessment* (MEA) telah dimulakan dengan penjajaran kurikulum Bahasa Inggeris di semua universiti awam (UA) kepada the *Common European Framework of References* (CEFR). Ini bagi memastikan pelajar bersedia untuk menduduki penilaian yang akan dibangunkan menggunakan Manual MEA 1. Penjajaran kurikulum UA kepada CEFR ini akan mengambil masa kerana ia melibatkan keseluruhan kurikulum Fakulti Bahasa, Fakulti Pendidikan dan Pusat Bahasa. Pada masa yang sama, Kementerian juga sedang memastikan bahawa pensyarah Bahasa Inggeris di UA mempunyai kompetensi Bahasa Inggeris di tahap C1/C2 (tahap kompetensi yang disyorkan bagi guru dan pensyarah Bahasa Inggeris) agar mereka dapat melaksanakan MEA dengan baik.

Manual MEA 1 sedang dalam proses akhir pembangunan dan dijangka dapat disiapkan pada September 2019. Manual ini akan disahkan oleh *Certificate in Advanced English* (CAE). Kementerian melalui Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sedang dalam rundingan dengan CAE berkenaan proses validasi dokumen dan bayaran yang akan dikenakan.

Sekian, terima kasih.

RJM 29